

Pas gagal sediakan peluang kerja

BALING 30 Mac — Rakyat Kelantan terpaksa berhijrah ke negeri lain untuk mencari pekerjaan akibat kegagalan kerajaan Pas yang memerintah, negeri itu menyediakan peluang kerja kepada rakyat, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, keadaan ini berpunca daripada kegagalan kerajaan negeri itu melaksanakan projek pembangunan yang boleh menyalurkan faedah kepada rakyat.

"Ketika rakyat negeri lain di seluruh negara mendapat peluang kerja, rakyat Kelantan terpaksa berhijrah dari negeri sendiri untuk mencari kerja," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap pada perhimpunan bersama rakyat yang disertai oleh kira-kira 10,000 penduduk di Kampung Lalang, dekat sini hari ini.

Sempena majlis itu juga Perdana Menteri turut merasmikan projek pekan baru Kampung Lalang berharga RM5 juta yang mengandungi 21 unit ruang niaga dan pelbagai kemudahan asas lain.